

Buletin



e-ISSN: 2600-8289

Safar 1446H/ Ogos 2024

ACIS



MALAYSIA MADANI

Jiwa Merdeka

eISSN 2600-8289



9 772 600 828 001

Kolokium Komunikasi Islam 2024 Peringkat Zon Selatan

Oleh:

**Suhaila Sharil, Mohamad Shafiei Ayub, Nasif Sidque
Pauzi, Muhammad Noor Hussin**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Pada 22 Jun 2024 (Sabtu) telah berlangsung Kolokium Komunikasi Islam 2024 Peringkat Zon Selatan bertempat di DK200 UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Seramai 241 orang pelajar yang terdiri dari 62 kumpulan telah membentangkan kertas kerja di 10 buah bilik sidang selari TEC5 hingga TEC15. Acara dimulakan dengan Ucapan aluan oleh Ustazah Suhaila Sharil dan taklimat kepada 10 orang juri daripada Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Antara juri yang mewakili Negeri Sembilan ialah Dr. Nursafra Mohd Zhaffar, Dr. Muhammad Hidayat Mahdi, Ustazah Ros Amira Ruslan, Ustazah Siti Nur Husna Abd Rahman, Cik Siti Nur Fadzilah Abdullah, Puan Suhaila Kamal, Encik Shahril Anuar Abdul Ghalim, Encik Ahmad Syakir Salman Salleh Abdul Latif, Encik Mohd Faisal Md Noor, dan Ustaz Muhammad Noor Hussin. Sebanyak 62 Kertas kerja Kolokium Komunikasi Islam telah dinilai bermula 17 Jun 2024 hingga 21 Jun 2024 oleh 20 orang Juri daripada UiTM Cawangan Melaka dan UiTM Cawangan Johor. Hasil kertas kerja tersebut dibentangkan di dalam Kolokium Komunikasi Islam 2024 .



Masa pembentangan adalah sekitar 10-15 minit bagi setiap kumpulan. Selesai pembentangan daripada pelajar-pelajar CTU271 (Islam dan Komunikasi), majlis diserikan dengan ucap tama daripada Center of Islamic Communication Research Malaysia (ISCOM) yang diwakili oleh Ustaz Mohamad Shafiei Ayub dan ucap tama daripada Encik Ahmad Harith Yusoff daripada Interactive Dakwah and Tarbiyah Association. Tepat jam 12 Tengahari majlis diserikan dengan kehadiran Ketua Pusat Pengajian (KPP) Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) Puan Maizura Manshor. Pada jam 12.45 tengahari majlis penutupan dimulakan dengan ucapan perasmian daripada Ketua Pusat Pengajian (KPP) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan iaitu Ustaz Nasif Sidque Bin Pauzi. Terdapat 5 kategori yang dipertandingkan



iaitu kertas kerja terbaik keseluruhan, kertas kerja terbaik mengikut negeri, pembentangan terbaik keseluruhan, pembentangan terbaik mengikut negeri dan pembentangan terbaik mengikut tema.

UiTM Cawangan Negeri Sembilan menghantar 59 Orang pelajar daripada 2 kelas iaitu N5MC1103A dan N5MC1103B bagi mewakili Kolokium Komunikasi Islam 2024 Peringkat Zon Selatan. Alhamdulillah, UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah memenangi Johan Kertas Kerja keseluruhan nombor ID0027 dengan tajuk Isu Dan Cabaran Penyiaran Program Dakwah Di Malaysia yang diwakili oleh Muhammad Akif Daniah Nor Azmi, Muhammad Faiq Faiez, Alif Sufyan Ruba'i, dan Amirul Azri Rubani. Johan kertas kerja membawa pulang wang tunai RM200 beserta sijil. Selain itu, tempat ketiga keseluruhan bagi kertas kerja juga adalah daripada UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang diwakili oleh Nur Adeline Aisyah Khazrulnizam, Marissa Nisha Ahmad Faurani, Nor Farah Afrina Mohd Fidzal dan Reyhanah Shaarani dengan tajuk Isu dan Cabaran Dalam Pemilihan Pelakon Filem Dakwah (ID0025). Tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM100 dan sijil penghargaan. Bagi pembentangan terbaik keseluruhan pula dimenangi oleh UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang diwakili oleh Kumpulan ID0028 iaitu Ain Zulaikha Khamarul Zamal, Nur Irdina Hadhirah Mohd Zawilikhsan, Muhammad Syakir Adha Zulfakar, Illham Hakim Saifullyzan dengan tajuk Perkongsian Aktiviti Kanak-Kanak di Media Sosial Dan Risikonya :

Sharenting. Pemenang membawa pulang wang tunai RM70 berserta sijil penghargaan.



Selain itu antara pemenang kertas kerja terbaik daripada UiTM Cawangan Negeri Sembilan adalah ID0016 dengan tajuk perkongsian aktiviti kanak-kanak di media sosial dan risikonya yang diwakili oleh Umar Fawwaz Mohd Alfatah, Noor Alia Shahira Leman, Nurfathiah Shari dan Rayyan Hadina Ridzuan. Bagi pembentangan terbaik Negeri Sembilan pula ialah Isu Love Scam dan Cara Mengatasinya (ID0020) yang diwakili oleh Muhammad Fazreel Izrien bin Nor Saiful Anuar, Nor Faiqah Dayana binti Nor Zulakmar, Nurin Balqis binti Mohd Azmizam, Raja Nor Alis Suraya binti Raja Anuar, Zawani Irsalina binti Hairul Emran dan naib johan pembentangan terbaik Negeri Sembilan adalah ID0023 Penipuan Cinta Siber (Love Scam) yang diwakili oleh Athirah Md Akhir, Noor Aqeelah Redza Redzuan, Nurain Amalin Mohd Azmi dan Siti Fatin Natrah Samsul Bahari. Bagi pemenang mengikut tema pula dimenangi oleh ID0028 dan ID0019 daripada UiTM Cawangan Negeri Sembilan.



Alhamdulillah, secara keseluruhan UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah mendapat Johan bagi Kolokium Komunikasi Islam 2024 Peringkat Zon Selatan dengan markah purata 83% diikuti dengan UiTM Cawangan Johor dengan markah 74% dan UiTM Cawangan Melaka dengan purata 72%. Piala pusingan ini disampaikan oleh KPP ACIS Ustaz Nasif Sidque Pauzi diiringi oleh Puan Maizura Manshor dan Ustaz Mohamad Shafiei Ayub kepada Koordinator Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau iaitu Ustaz Muhammad Noor Hussin. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan terima kasih yang tidak terhingga kepada jawatankuasa program yang terdiri daripada Pelajar Khidmat Masyarakat.